

**TAJDIRID PENDIDIKAN BADIUZZAMAN SAID NURSI DALAM KITAB
RASAIL AN-NUR
(Education's Reform of Badiuzzaman Said Nursi in the *Rasail An-Nur*)**

Oleh:
Muaz bin Hj. Mohd Noor*
Faizuri Abd. Latif**

Abstrak

Keadaan umat Islam sekitar abad ke-20 Masihi amat mendukacitakan. Cabaran yang dilalui umat manusia ketika itu sungguh luar biasa. Akidah dan keimanan mereka diserang dari pelbagai penjuru dan sudut. Pemikiran dalam bentuk isme-isme yang sesat dan khurafat seperti sekularisme mula menyerang pemikiran umat Islam. Akibatnya umat dan negara umat Islam semakin mundur dan terkebelakang. Hal ini bertambah celaru apabila pemerintah bukan Islam dari Barat mula mencampuri urusan negara Islam, sehingga salah seorang ahli politik British yang anti Turki-Islam menyatakan, "Kita tidak boleh menguasai orang Islam selagi mana kita tidak memisahkan kitab mereka iaitu al-Quran daripada mereka". Rentetan dari peristiwa inilah maka Badiuzzaman Said Nursi (1876-1960) bersumpah beliau akan membuktikan bahawa al-Quran merupakan matahari kerohanian dan tidak boleh dimusnahkan sama sekali. Beliau berazam untuk mengembalikan kegemilangan tamadun dan keilmuan Islam sebagaimana ketika pemerintahan khalifah Islam terdahulu. Dengan melakukan analisis serta kajian terhadap beberapa risalah-risalah kecil dari 14 jilid utama kitab Rasail an-Nur, penulis dapat menjelaskan tentang ciri-ciri, metod serta pendekatan tajdid pendidikan yang diperjuangkan oleh Badiuzzaman Said Nursi, dari cita-citanya mahu mewujudkan sistem universiti, mewujudkan madrasah-madrasah dan pondok-pondok yang mempertautkan antara ilmu agama dan Sains.

Kata Kunci: *Badiuzzaman Said Nursi, Rasail an-Nur, Tajdid, Sistem Pendidikan, Sains Islam*

Abstract

The condition of Muslims around the 20th century AD was pathetic. Challenges faced by humanity at that time was way-out. Their belief and faith were being attacked from all angles. Fallacious and superstitious ideologies in the form of -isms such as secularism began to attack the Muslim minds. As a result the Muslims and Muslim countries became more backward and undeveloped. Chaos took place as non-Muslim leaders from the West began to interfere with the Islamic countries. Then a British politician who is anti-Islamic Turkish made a statement , "We cannot control the Muslims as long as we do not separate their book of Quran from them". Strings of events from this revolting remark made Badiuzzaman Said Nursi (1876-1960) vowed he would prove that the Quran is a

* Muaz bin Hj. Mohd Noor, B.Us, adalah calon Sarjana Usuluddin di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Faizuri Abd. Latif, PhD, adalah pensyarah di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Email: fa72@um.edu.my.

spiritual sun and cannot be destroyed altogether. He is determined to restore the once glorious civilization and Islamic sciences as during the previous Islamic caliphates. By doing analysis and research on several parts from the 14 main volumes of Rasail an-Nur, the author is able to explain and clarify the characteristics, methods as well as approaches of educational reformers confronted by Badiuzzaman Said Nursi, whereby from his aim is to create university system, the creation of madrasahs and small institutions that unite islamic religious knowledge and science.

Keywords: *Badiuzzaman Said Nursi, Rasail an-Nur, Tajdid, Education System, Islamic Sciences*

Pendahuluan

Peristiwa kejatuhan sistem Khalifah Uthmaniah pada tahun 1924 Masihi adalah satu sejarah hitam dan titik tolak kepada kemunduran masyarakat Islam. Sistem Khilafah yang menjadi mercu tanda keagungan, kemajuan, perpaduan dan kekuatan umat Islam akhirnya roboh angkara kelemahan dan kemunduran umat Islam sendiri. Pengenal sistem pemerintahan sekular oleh regim kerajaan Mustafa Kamal Atartuk ternyata menambah duka dan luka umat Islam. Umat Islam mula berpecah belah, mereka bergaduh dan berperang sesama sendiri. Manakala hal keagamaan langsung diketepikan dari urusan kehidupan. Di zaman itu, masyarakat bukan Islam terutama masyarakat Eropah dan Barat telah dan sedang sentiasa membina kekuatan mereka. Penguasaan dan kemajuan dalam pendidikan, khususnya dalam bidang Sains dan teknologi telah memberi kekuatan kepada Barat untuk menguasai ekonomi dunia seterusnya menakluk (mengawal) dunia. Sementara bidang keagamaan atau sistem moral telah dipisahkan dari urusan pemerintahan mereka. Akibatnya, pemikiran sekular dan kepentingan diri sendiri telah merosakkan nilai-nilai agama dan nilai-nilai budaya lainnya.

Melihat keadaan yang amat merugikan umat Islam ketika itu, Nursi memikirkan kaedah yang terbaik bagi mengangkat kembali kekuatan dan kehebatan yang ada pada masyarakat Islam, seterusnya mengembalikan kegemilangan tamadun keilmuan dan pendidikan umat Islam seperti pada beberapa tahun sebelumnya. Bagi Nursi, untuk berhadapan dengan situasi ini, satu reformasi terhadap sistem pendidikan Islam yang bersifat komprehensif dan kontemporari perlu digiatusahakan selari dengan keadaan dunia yang semakin mencabar dan moden. Hal ini ada dinyatakan beliau dalam kitab *Lama'at*, dalam *Risalah al-Hijab*, katanya:

“Sesungguhnya penyelesaian ampuh untuk menjaga tabiat mulia yang menjadi fitrah mereka daripada kerosakan adalah mendidik mereka dengan pendidikan agama Islam yang komprehensif”¹.

¹ Badiuzzaman Said Nursi (2003), *Risalah An-Nur: Said Nursi, Pemikir dan Sufi Besar Abad 20 (Menikmati Takdir Langit: Lama'at)*, Jakarta: Murai Kencana, hlm 379.

Biografi Ringkas Badiuzzaman Said Nursi

Secara ringkasnya nama penuh Said Nursi ialah Badiuzzaman Said Nursi Bin Mirza. Beliau dilahirkan pada tahun 1877 Masihi bersamaan 1294 Hijrah². Meskipun begitu, tarikh ini tidak disepakati oleh kebanyakan penulis buku. Menurut Wan Jaffree Wan Sulaiman, penulis buku *'Mujaddid Islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi'* menyatakan bahawa tokoh Islam ini lahir pada tahun 1873 Masihi bersamaan 1290 Hijrah. Sementara menurut pendapat lain, Nursi dikatakan lahir pada era 1877 Masihi bersamaan 1293 Hijrah. Bagaimanapun, kebanyakan penulis menggunakan tarikh 1877M/1294H³ dalam penulisan-karya mereka.

Nursi dilahirkan disebuah kampung bernama Nurs, sebuah perkampungan kecil di daerah Khizan (Hizan) dalam wilayah Bitlis⁴ di Timur Turki. Beliau juga terkenal dengan panggilan 'Said al-Nursi' merujuk kepada tempat kelahirannya (desa Nurs)⁵. "*Badiuzzaman*" pula merujuk kepada panggilan atau gelaran terhormat yang diberikan oleh syeikh muktabar kepada beliau atas keupayaan luar biasa beliau dalam menghafal dan mengingati sesebuah buku dalam masa yang singkat, di samping kemahiran berfikir serta kekayaan ilmu yang ada pada diri beliau. Nursi dilahirkan dalam sebuah keluarga yang miskin dan sederhana. Beliau berketurunan Kurdi yang mulia dan berpengaruh. Ayahnya bernama Sufi Mirza⁶ dan ibunya bernama Nuriyyah⁷. Kedua ibubapa Nursi dikatakan berasal daripada salasilah keturunan *ahli al-bayt* iaitu Mirza berasal dari keturunan Hasan b. Ali sementara Nuriyyah pula dari keturunan Husayn⁸.

Nursi merupakan anak keempat dari tujuh orang adik beradik, iaitu Durriyah, Khanim (Hanim), Abdulllah, Said (Nursi), Muhammad, Abdul al-Majid, dan Marjan. Abangnya Abd al-Majid adalah yang paling terkenal dalam kalangan adik

² Badiuzzaman Said al-Nursi (1998), *Sirah Zatiyyah*. Terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Istanbul: Matbaad Suzlar, hlm. 35.

³ Walaupun terdapat perbezaan tentang tahun kelahiran Said Nursi ini, seperti Zaidin bin Mat menyatakan kelahirannya pada 1877M. (1294H.), Wan Jaffree Wan Sulaiman pada 1873M. (1290H.), Sukran Vahide pada 1877M. (1293H.), dan Ihsan Kasim Salih menuliskannya 1876M. (1293H.), namun menurut Zaidin (2003, hal. 99), tahun yang disepakati adalah 1293 berdasarkan kalendar Rumi yang dipakai secara rasmi ketika pemerintahan Turki Uthmaniah. Catatan tahun 1877/1294H pula merupakan catatan kebanyakan penulis.

⁴ Wilayah Bitlis terbahagi kepada lima daerah. Salah satu dari daerah tersebut ialah Hizan (Khizan). Hizan pula terbahagi kepada dua mukim, salah satu daripadanya ialah Isparit.

⁵ Mohamad Zaidin Bin Mat (2003), *Bediuzzaman Said Nursi, Sejarah Perjuangan Dan Pemikiran*, Selangor: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn Bhd, hlm. 5.

⁶ Mirza berasal dari kawasan Sungai Tigris dan meninggal dunia dalam tahun 1920-an dan dikembumikan di Nurs. Beliau adalah seorang sufi yang sangat *wara'* dan dikatakan sebagai seorang yang tidak pernah menjamah barangan haram dan hanya memberi makan anak-anaknya dengan makanan yang halal saja. (lihat Salihi 2003, hal. 8).

⁷ Nuriyyah, ibu kepada Said Nursi berasal dari Semenanjung Balkan dan meninggal dunia semasa tercetusnya perang dunia kedua. Beliau adalah seorang ibu yang sangat mulia sehingga hanya menyusui anak-anaknya dalam keadaan suci dan berwudhu'. (lihat Salihi 2003, hal. 8)

⁸ Urkhan Muhammad Ali (1995), *Said al-Nursi rajul al-Qadr fi hayat Ummah*, Sharikat al-Nasl li al-Tiba'ah, Istanbul, hlm 8.

beradik Nursi selepas Nursi. Beliau pernah menjadi guru bahasa Arab di Sekolah Tentera di Diyarbakr. Selepas itu, dilantik menjadi mufti di Urgup untuk beberapa tahun. Beliau pernah menterjemahkan beberapa karya-karya Nursi dari bahasa Arab ke dalam bahasa Turki⁹.

Kitab *Rasail an-Nur*

Kitab atau risalah *Rasail an-Nur* merupakan satu karya agung Said Nursi yang terhimpun sebanyak 130 buah risalah dalam 14 jilid besar. Risalah-risalah ini dikumpulkan dalam bentuk buku-buku di bawah tajuk-tajuk seperti *Sozler, Shualer, Lemalar, Mektubaat* dan lain-lain lagi. *Rasail an-Nur* adalah nama panggilan (umum) yang diberikan untuk kesemua tajuk-tajuk ini. Ini bermaksud, setiap penulisan dan pemikiran Nursi yang tercatat digelar sebagai *Rasail an-Nur*. Kesemua tajuk-tajuk ini berjumlah enam ribu muka surat¹⁰.

Rasail an-Nur merupakan kuliah tarbiyyah Said Nursi sepenuhnya berasaskan al-Quran yang menyentuh soal keimanan. Kerana itu *Rasail an-Nur* lebih dikenali sebagai '*Kulliyatul Rasail al-Nur*'. Sumber utamanya adalah al-Quran dan al-Hadith. Ia dikarang dan ditulis sendiri oleh Said Nursi dan adakalanya ditulis oleh anak-anak murid beliau yang kemudian disemak semula oleh beliau¹¹.

Penulisannya berlangsung dalam suasana masyarakat dan ancaman terhadap Islam yang amat getir demi menyelamatkan iman masyarakat pada ketika itu¹². Atas dasar itulah, tujuan Said Nursi menulis *Rasail an-Nur* adalah untuk menghilangkan keraguan rakyat yang berpendidikan Barat terhadap al-Quran dan agama Islam.

Kesemua penulisan dalam tafsir ini pada peringkat awal ditulis dengan tulisan tangan kerana beliau dan para pelajarnya ketika itu tidak mampu menyediakan belanja percetakan, dan mereka juga tidak dilarang daripada berbuat demikian. Tugas menulis tafsir ini dengan tangan adalah kerja merbahaya pada ketika itu¹³. Mereka yang disyaki menulis dan menyebarkan tulisan *Rasail an-Nur* ini akan dikenakan tindakan tegas, bukan sahaja dipenjara, malah diseksa dan dianiaya.

Namun begitu, segala rintangan itu berjaya diharungi Nursi dengan tenang dan tabah. Beliau menghabiskan masanya di Barla dengan bertafakkur dan beribadat serta mengajar tafsiran al-Quran secara rahsia. Dalam tempoh tersebut, beliau sempat menulis satu pertiga daripada penulisan agung yang berbentuk tafsir ini yang digelarnya sebagai *Rasail an-Nur*. Beliau telah menghabiskan sebahagian

⁹ Mohamad Zaidin Bin Mat (2003), *op.cit.*, hlm 120.

¹⁰ Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987), *op.cit.*, hlm. 100.

¹¹ Beliau juga dikatakan 'setengah ummi' oleh sebahagian penulis. Kerana itulah banyak penulisan *Rasail an-Nur* ditulis oleh anak muridnya atas ilham dan tunjuk ajar dari beliau sendiri. (lihat <http://risalahnur.com>)

¹² Ibnor Azli Ibrahim (2010), Wacana ilmiah, *Pengenalan Kepada Rasail an-Nur*. Bangi: Jabatan Syariah, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹³ *Ibid.*

besar masanya dengan mengarang *Rasail an-Nur* di atas sebuah pondok Chinar yang dibina oleh seorang anak muridnya. Pada peringkat awalnya, himpunan penulisan ini dinamakan 'Sozler' (Kalimah), tetapi kemudiannya ditukar kepada '*Rasail an-Nur*',¹⁴ begitulah seterusnya.

Berikut disenaraikan kitab-kitab atau jilid-jilid utama *Rasail an-Nur* yang berjumlah 14 jilid:

No.	Judul Buku	Tahun Penerbitan	Bahasa Digunakan
1.	Sozler (al-Kalimat)	1926-1929	Turki dan Arab
2.	Mektubat (al-Maktubat)	1929-1932	Turki dan Arab
3.	Lema'alar (al-Lam'aat)	1921-1932-	Turki dan Arab
4.	Su'alar (al-Syua'aat)	1936-1940	Turki dan Arab
5.	Isyaaratul I'jaz	1916-1918	Turki dan Arab
6.	Mesnavi Nuriye (al-Mathnawi al-Arabi)	1922-1923	Turki dan Arab
7.	Barla Lakihasi (al-Malahiq)	1925-1930	Turki
8.	Ermidag Lakihasi (al-Malahiq)	1944-1949	Turki
9.	Kastamonu Lakihasi (al-Malahiq)	1936-19	Turki
10.	Tarihce Hayati	1948-1950	Turki
11.	Asyari Musa	-	Turki
12.	Iman ve Kufur	1948-1950	Turki
13.	Sikke-i Tadikff Qaibi (Saql al-	1948-1950	Turki dan Arab
14.	Muhakamet	1911	Turki

Idea Pembaharuan (*Tajdid*) Pendidikan Said Nursi

Bertitik tolak dari sinilah, Nursi merasakan cara yang paling ideal dan berkesan adalah dengan merombak sistem pendidikan sedia ada. Untuk mengubah mentaliti dan sikap seseorang, ia bukanlah sesuatu yang mudah. Ia perlu diubah melalui proses pembelajaran dan pendidikan sejak dari kecil lagi, iaitu diperingkat sekolah rendah, menengah, dan seterusnya peringkat pengajian tinggi. Keinginan Nursi ini adalah berdasarkan kefahaman bahawa pendidikan Islam adalah milik umat Islam tanpa mengira latar belakang, keturunan dan bangsa serta kawasan mereka.

Nursi beranggapan untuk mencapai tujuan itu, suatu yang mesti diberi perhatian dan keutamaan adalah, menerima sains sebagai sumber dan ilmu yang bermanfaat

¹⁴ Mohd Zaidin Mat (2003), *op.cit.*, hlm, 53.

bagi umat Islam. Pemikiran dan nasib umat Islam tidak akan berkembang maju jika terus memisahkan diri dari menerima ilmu-ilmu sains dan segala bidang ilmu yang berkaitan dengannya. Umat Islam perlu bangkit dan menolak retorik dan dakyah sempit bahawa mempelajari ilmu sains adalah berlawanan dengan Islam. Bagi Nursi, segala ilmu yang wujud pada hari ini termasuk ilmu sains adalah ilmu yang tercatat di dalam lembaran al-Quran.

Menurut Nursi, kitab *Rasail an-Nur* adalah sarat dengan pelbagai lapangan ilmu baik ilmu dunia dan akhirat. Risalah-risalah dalam himpunan karya tersebut banyak menyentuh tentang ilmu sains dan alam, baik secara umum mahupun secara khusus. Beliau sering mengaitkan ilmu sains dengan al-Quran baik dalam penulisannya, percakapannya, dan tindakannya. Mengulas mengenai perkaitan atau unsur sains yang wujud di dalam al-Quran, menurut Nursi dalam *Rasail an-Nur*:

“Sesungguhnya, al-Qur'an, alam semesta dan manusia adalah tiga jenis manifestasi dari satu kebenaran. Al-Qur'an, yang berasal dari sifat firman *Ilahiyyah*, bisa dianggap sebagai alam semesta, yang berasal dari sifat kuasa dan kehendak *Ilahiyyah*, bisa dianggap sebagai al-Qur'an yang diciptakan. Jadi, dari sudut pandang ini, alam semesta adalah pasangan dari al-Qur'an, yang tidak akan bertentangan dengan Islam. Oleh karena itu, sekarang, saat sains berjaya, dan juga kelak, yang akan menjadi zaman pengetahuan, keimanan yang sejati harus didasarkan pada argumen dan penyelidikan, juga pada pemikiran yang terus menerus terhadap tanda-tanda Allah di alam semesta, pada fenomena, “alam”, sosial, historis dan psikologis. Keimanan bukanlah sesuatu yang didasarkan pada taqlid yang membuta. Keimanan harus terjadi atas intelektualitas atau nalar dan kalbu, keimanan menggabungkan penerimaan dan penegasan nalar dan pengalaman serta penyerahan kalbu”¹⁵.

Untuk menghuraikan lebih lanjut tentang usaha tajdid dan pembaharuan Nursi dalam bidang pendidikan, pembahagian akan difokuskan kepada tiga isu utama atau 3 persoalan penting bagi memudahkan pemahaman tentang konsep pembaharuan pendidikan yang dibawa Nursi. Tiga persoalan penting yang cuba diberi nafas baru (perubahan) itu adalah yang pertamanya, sistem persekolahan (peringkat rendah dan menengah), keduanya, idea tentang penubuhan Universiti dan segala yang berkaitan dengannya, dan yang ketiganya adalah silibus atau sukatan matapelajaran.

Sistem Persekolahan/ Pondok

Nursi dalam membahaskan ciri-ciri pembaharuan pendidikan Islam yang diimpikan, beliau telah dahulunya memulakan usaha ini dengan membuat perubahan pada sistem pendidikan di peringkat sekolah-sekolah. Beliau telah

¹⁵ Bediuzzaman Said Nursi (2003), *Risalah An-Nur: Said Nursi: Pemikir dan Sufi Besar Abad 20 (Menjawab yang Tak Terjawab, Menjelaskan yang Tak Terjelaskan)*, Jakarta: Murai Kencana, h. 22.

menggariskan 5 dasar penting yang perlu diaplikasi di setiap sekolah-sekolah agama (yang juga digelar sekolah pondok ketika itu), khususnya bagi pelajar-pelajar yang mendalami karya *Rasail an-Nur (Tullab an-Nur)*¹⁶. Lima dasar itu ialah:

1. Mengkaji konsep hubungan dan pemahaman terhadap ilmu kemodernan dan agama.
2. Berniat menegakkan kembali keruntuhan kerajaan Usmani dengan kembali kepada tradisi keilmuan yang integralistik
3. Mengadakan kegiatan *conversation* (perbincangan), dan *reading* (membaca) tulisan *Rasail an- Nur*.
4. Menyebarluaskan ajaran *Rasail an- Nur* kepada masyarakat.
5. Mendirikan asrama yang menjadi *academic centre*.

Untuk langkah permulaan, beliau berpandangan betapa perlunya diharmonikan antara tiga cabang utama sistem pendidikan diperingkat sekolah-sekolah rendah dan menengah, iaitu yang pertamanya *medrese* atau sekolah agama, yang kedua *mektebs* atau sekolah umum (sains), dan yang ketiganya teks atau *Tarekat Sufi*, serta disiplin ilmu yang berkaitan dengannya. Penonjolan terhadap ketiga-tiga cabang utama sistem pendidikan sekolah ini adalah daripada pengalaman yang dilalui sendiri oleh Nursi ketika mana beliau kecil sehinggalah membesar.

Menurut Nursi, sekolah agama atau juga digelar *Medrese* harus mengajar mata pelajaran sains, dan sekolah umum (*Mektebs*) harus mengajar mata pelajaran agama. Kaedah ini dirasakan tepat bagi memenuhi matlamat melahirkan manusia yang '*hasanah*' dunia dan akhirat. Kata beliau, "*Dengan cara ini, penuntut-penuntut sekolah moden (sekular) akan dilindungi dari kekufuran dan penuntut-penuntut sekolah agama pula terpelihara dari sikap taksab*"¹⁷.

Tradisi sekolah-sekolah rendah, pondok, madrasah, pesantren dan maahad sebenarnya mampu untuk menjadi pemangkin perubahan sistem pendidikan negara secara umumnya. Peranan institusi ini amat besar serta mampu menjadi benteng keyakinan umat terhadap Islam, dan mampu menjadikannya wadah membangun ilmu yang bersepadu seterusnya menghasilkan ulama' dan ahli ilmunan yang berperanan membangunkan ummat Islam menjadi ummat terbilang.

i. Penubuhan Universiti

Tidak cukup memberi penekanan terhadap perubahan sistem pendidikan di peringkat sekolah, Nursi merasakan perlunya dibuat satu perubahan corak pendidikan di peringkat pengajian tinggi ataupun dikenali sebagai universiti.

¹⁶ Gozutok, Sakir (2002), *The Rasail an-Nur in The Context of Educational Principles and Methods (The Paper Presented In The Fifth International Symposium On Bediuzzaman Said Nursi)*, Istanbul: Sozler Publication, h. 1-2.

¹⁷ Mohamad Zaidan Bin Mat (2003), *Bediuzzaman Said Nursi, Sejarah Perjuangan Dan Pemikiran*, Selangor: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn Bhd, h. 8.

Membuat perubahan pada universiti yang telah sekian lama wujud bukanlah suatu yang mudah, bahkan adalah suatu yang sukar, cerewet, dan pastinya mengambil masa yang lama. Ini adalah kerana perubahan yang ingin diperkenalkan Nursi adalah berlawanan dengan hasrat pemerintah ketika itu yang begitu menebal sifat 'sekular'nya. Justeru, tidak dapat tidak Nursi harus memikirkan cara yang terbaik membuat anjakan perubahan sistem pendidikan khusus untuk generasi atau pelajar di peringkat pengajian tinggi.

Berdasarkan faktor ini, Nursi akhirnya mencadangkan agar ditubuhkan sebuah universiti yang dikenali sebagai *Medresetuz-Zehra* (*Madrasah al-Zahra*) di sebelah Timur Turki sebagai model institusi tinggi yang menerapkan sistem pengajian yang bersepadu dan komprehensif. Nama universiti Madrasah al-Zahara ini adalah diambil dari nama Universiti al-Azhar Mesir. Maka corak dan silibus pengajarannya juga akan divedok dari corak pendidikan Universiti al-Azhar. Cuma yang tampak perbezaannya pada ketika itu ialah, Nursi memperkenalkan sistem pendidikan bersepadu antara ilmu agama (Islam) dengan ilmu dunia (Sains Moden).

Jika diperhati, mana-mana pusat pengajian tinggi (universiti) di bawah kelolaan kerajaan Islam pada waktu itu, termasuklah Universiti al-Azhar sendiri, corak dan silibus pengajarannya hanyalah tertumpu kepada satu-satu bidang keilmuan sahaja. Jika universiti itu beraliran agama, maka agamalah yang diberi penekanan, jika alirannya sains, maka sainslah yang diberi perhatian. Berbeza dengan corak pengajaran dan pendidikan yang bakal diperkenalkan di Universiti Madrasah al-Zahra. Setiap pelajar akan didedahkan dengan dua disiplin ilmu, iaitu ilmu sains moden dan ilmu agama secara serentak dan bersepadu.

Memetik kata-kata Vahide Sukran dalam menjelaskan penubuhan *Medresetuz-Zehra* ini:

“The embodiment of this reprochement was the Medresetuz-Zehra, which has been mentioned earlier. Bediuzzaman attached the Greatest importance to establishing this univercity were the religious sciences and modern sciences would be thaugt side by side and “comined”, and pursued it till the end of his day”¹⁸.

Menurut Nursi, bentuk dan silibus pengajian dalam madrasah itu nanti akan memberi perhatian sewajarnya terhadap pengharmonian dua bidang utama ilmu, iaitu ilmu agama dan ilmu sains. Proses ini akan terus berjalan seiring dengan kemajuan dan kemedenan dunia pada hari ini. Selain itu, sukatan pelajaran dalam universiti ini juga bakal mempunyai program pendidikan yang bermanfaat meliputi pengajian tentang metod (kaedah) dan prinsip pendidikan sains (moden). Paling tidak usaha ini telah menjadi perangsang bagi perubahan dalam bidang pendidikan di Turki ketika itu:

¹⁸ Vahide Sukran (1992), *Bediuzzaman Said Nursi*, Istanbul: Sozler Publication, hlm 43.

“He invite people to be educated in the truly Qur’anic School known as the Medreseti’ az-Zehra. It has to be said that is educational programme, which benefits from the principles and methods of modern education described above...”¹⁹.

Dibawah dilampirkan secara ringkas tentang cadangan penubuhan Madrasah al-Zahra seperti yang telah dinyatakan oleh Mohamad Zaidin Mat di dalam bukunya *‘Bediuzzaman Said Nursi, Sejarah Perjuangan dan Pemikiran’²⁰*. Antara yang dibentangkan oleh Nursi berkaitan rancangan tersebut ialah:

- a. Tempat: Hendaklah dibina di Bitlis (induk), Wan dan Diyarbakr (cawangan).
- b. Syarat-syarat:
 - Nama Universiti: Madrasah al-Zahra.
 - Sukatan pelajaran: digabungkan ilmu-ilmu agama dan sains moden.
 - Tenaga pelajar: dibuat pemilihan sama ada dari mereka yang berpendidikan dari bangsa Kurdi atau mereka yang boleh menguasai bahasa tempatan.
 - Kajian hendaklah dibuat bagi mengenalpasti tahap keupayaan pelajar supaya pembelajaran akan menghasilkan graduan yang benar-benar menguasai sesuatu bidang yang diminati. Namun begitu, hubungan mereka dengan bidang-bidang lain masih diberi perhatian.
 - Graduan yang telah berjaya dalam pengajian mereka hendaklah diberi pertimbangan yang adil sepertimana yang diterima oleh para graduan dari institusi-institusi yang lain.
 - Sumber kewangan: sama ada melalui harta wakaf, zakat, sumbangan masyarakat, ataupun melalui pinjaman sementara.

Jika diperhatikan syarat-syarat yang ‘ditetapkan’ oleh Nursi di atas, kita dapat lihat syarat sukatan pelajaran adalah antara syarat yang paling menonjol berbanding syarat-syarat yang lain. Ini kerana, sukatan pelajaran adalah penentu corak atau sistem pembelajaran yang akan dibawa oleh mana-mana institusi pendidikan. Dan dalam hal ini, Nursi cuba menengahkan idea pembaharuannya dalam bidang pendidikan dengan cuba memperkenalkan sistem pendidikan bersepadu dengan menggabungkan pendidikan agama (Islam) dengan pendidikan Sains (Moden). Hal ini turut dinyatakan Sukran Vahide dalam bukunya *‘Bediuzzaman Said Nursi’*. Dakwa Vahide, *“The basis of the system Bediuzzaman was proposing, however, was the combined teaching of the religious and the modern sciences”²¹*.

¹⁹ Gozutok, Sakir (2002), *op.cit*, hlm. 412.

²⁰ Mohamad Zaidan Bin Mat (2003), *op.cit*, h. 20-21.

²¹ Vahide Sukran (1992), *op.cit*, h. 43.

Pada dasarnya, Said Nursi telah menggariskan 12 perkara penting yang akan dijadikan asas pada penubuhan sistem pendidikan dualisme itu nanti. Perkara-perkara tersebut ialah²²:

1. Pendidikan berdasarkan pada sumber dasar Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah
2. Kehidupan dunia dan akhirat dianggap sebagai satu kesatuan (dipandang dalam suatu pandangan).
3. Ilmu agama dan ilmu pengetahuan umum (Sains) diajarkan bersama-sama.
4. Chauvinisme dan nasionalisme (rasa kebangsaan) tidak harus ditonjolkan (dikibarkan), tetapi semangat Islamlah yang menjadi dasar.
5. Pendidikan berdasarkan persaudaraan, persatuan dan kesatuan.
6. Pendidikan harus mencerminkan al-Quran
7. Para pelajar harus memiliki jiwa yang bersemangat, syukur dan harapan.
8. Pendidikan Islam harus dimulai dari individu itu sendiri.
9. Bakat, kemampuan dan keinginan manusia harus diperhatikan.
10. Pendidikan bersifat bebas, terbuka dan bermanfaat bagi masyarakat umum (*society*).
11. Para pelajar dan pihak sekolah tidak terlibat dalam gerakan politik.
12. Pendidikan harus memiliki target dan tujuan yang tinggi dan murni.

Menyoroti 12 perkara penting yang menjadi dasar penubuhan universiti itu, kita dapati disamping cuba menerapkan sistem pendidikan bersepadu antara ilmu dunia dan akhirat, dalam masa yang sama Nursi tetap memberi penekanan dan keutamaan kepada ajaran dan penghayatan agama Islam. Ia sekaligus menolak dakwaan dan kritikan sesetengah pihak yang menyatakan beliau telah cuba membawa fahaman 'keduniaan' dalam kalangan masyarakat setempat, sehingga boleh merosakkan pegangan agama dan akidah umat Islam. Hakikatnya adalah sebaliknya, memandangkan Nursi telah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai dasar tertinggi pusat pengajian itu.

Selain itu, perubahan lain yang cuba ditonjolkan Nursi dalam cadangan pembinaan Madrasah al-Zahra ialah, setiap pelajar mesti menjauhkan diri dari fahaman atau semangat nasional (kebangsaan) yang berlebihan, dalam masa yang sama memperteguhkan jati diri dengan semangat keagamaan. Ini adalah rentetan dari sikap pemerintah ketika itu yang cuba meniup semangat nasionalisme yang kuat dalam kalangan rakyatnya, sehingga mereka lebih memperjuangkan bangsa mereka lebih dari agama mereka sendiri.

²² Bediuzzaman Said Nursi (2000), *The Letters 1928-1932*, terj. Sukran Vahide, Istanbul: Sozler Nesriyat AS, h. 102.

Walaupun usaha Nursi untuk menubuhkan sebuah Universiti (Madrasah al-Zahra) tidak berjaya, akan tetapi usaha itu tidak boleh dipandang remeh kerana ia menjadi batu loncatan sehingga tertubuhnya 'Fakulti Ilmu Wahyu' di Universiti Irdurum tidak lama selepas itu. Universiti ini pada peringkat awalnya dikatakan terdiri daripada lebih kurang dua puluh lima orang pelajar sahaja. Kemudian ia semakin bertambah dai masa kesemasa. Antara peraturan yang ditetapkan oleh Nursi pada universiti tersebut ialah, setiap pelajar yang hendak menjadi muridnya dimestikan menghabiskan seluruh masa di madrasah tersebut dan tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan madrasah atau menarik diri²³.

ii. Silibus Dan Sukatan Matapelajaran

Dalam bahagian silibus atau sukatan matapelajaran ini, penulis telah membahagikan kepada dua tajuk kecil untuk memudahkan pembacaan. Yang pertamanya ialah penggunaan kitab *Rasail an-Nur* sendiri sebagai sukatan matapelajaran disetiap institusi pendidikan. Kedua ialah bahasa pengantar sebagai pengantara penting antara pelajar dan juga pihak yang mengajar (pendidik).

a. Penggunaan Kitab *Rasail An-Nur*

Sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini, silibus atau sukatan matapelajaran yang akan diterapkan dalam sistem pendidikan disekolah dan universiti akan mengambil kira peranan dan faktor risalah *Rasail an-Nur* sebagai mercu atau tonggak utama dalam proses pembelajaran, selain dari sumber-sumber yang lain. Ini adalah kerana isi kandungan *Rasail an-Nur* telah merangkumi segenap aspek bidang keilmuan, baik dunia dan akhirat. Beberapa bahan yang ditampilkan Nursi dalam koleksi risalahnya antara lain mengandungi unsur motivasi bagi pelajar, mendidik keterampilan pelajar, mambantu menyelesaikan masalah (*problem solving*) setiap pelajar, melakukan observasi (pengamatan mendalam), melatih diri dengan kewajiban ibadah, menanamkan perasaan cinta kepada nabi-nabi Allah, dan sebagainya. Kerana itulah, silibus pelajaran yang ditawarkan Said Nursi dalam *Rasail an-Nur* sering memberi penekanan kepada penanaman nilai-nilai edukatif (bersifat mendidik) dan isi kandungan yang lebih bersifat pembentukan keperibadian muslim.

Idea ini sebenarnya adalah suatu yang baru bagi masyarakat Turki pada ketika itu. Jika dilihat sebelum itu, hampir tiada dalam kalangan tokoh-tokoh besar Islam yang cuba membawa perubahan dalam sistem pendidikan dengan menjadikan tulisan karangan mereka sebagai silibus mata pelajaran yang akan diajarkan di institusi-institusi pendidikan. Kebanyakan dari mereka lebih terarah untuk mengambil, mencadang atau mencedok ilmu-ilmu dari kitab karangan orang lain (ulamak-ulamak terdahulu) untuk diajari dan dipelajari oleh pelajar dan masyarakat. Tetapi berlainan dengan Nursi, memandangkan beliau awal-awal lagi menetapkan bahawa pengajaran kitab hasil tulisannya (*Rasail an-Nur*) akan diajar di pusat-pusat pengajian, termasuk pada Universiti yang dicadangkan beliau.

²³ Mohamad Zaidan Bin Mat (2003), *op.cit*, h. 72.

b. Bahasa Pengantar

Selain itu, dalam sebuah risalah dari himpunan *Rasail an-Nur*, risalah *Munazarat*, ada dinyatakan di dalamnya tentang proses pembaharuan pendidikan tersebut harus melibatkan dengan tiga bahasa utama, iaitu bagi bahasa Arab adalah 'diwajibkan', bahasa Kurdi 'diperintahkan' dan bahasa Turki 'diharuskan'. Ini bermakna, para penuntut harus menguasai ketiga-tiga bahasa ini dimana Bahasa Arab diwajibkan untuk dipelajari kerana ia adalah bahasa al-Quran dan punca kefahaman yang jitu terhadap ajaran dan penghayatan Islam. Sementara bahasa Kurdi dan bahasa Turki adalah diharuskan untuk dituntut dan diperkasa.

Hal ini boleh dilihat pada syarat-syarat yang telah ditetapkan Nursi khusus kepada 'tenaga pengajar', sebagaimana yang telah disebut sebelum ini. Mengikut syarat tersebut, tenaga pengajar perlulah terdiri dari mereka yang berpendidikan dari bangsa Kurdi atau mereka yang boleh menguasai bahasa tempatan (Turki). Ini membuktikan, Nursi bukan sahaja mahu pelajar yang bakal dihasilkan nanti memiliki ilmu dan pengetahuan dalam pelbagai bidang, malah Nursi mahu mereka menguasai kepelbagaian bahasa terutama bahasa Arab sebagai salah satu usaha mengangkat martabat dan keunggulan masyarakat Islam Turki.

Kesimpulan

Daripada paparan di atas, jelaslah bahawa untuk mengubah nasib dan pemikiran sesuatu kaum dan masyarakat khususnya umat Islam, perkara yang harus diambil berat ialah mengubah atau mereformasikan corak serta sistem pendidikan yang menjurus kepada kesepaduan ilmu. Ia adalah asas yang mesti diperbetulkan dahulu, dan inilah yang diberi penekanan serius oleh Nursi. Nursi mahu umat Islam menjadi umat contoh yang mana mampu menguasai pelbagai disiplin ilmu terutamanya ilmu sains. Sesungguhnya banyak natijah dan kesan daripada gerakan pengislahan pendidikan yang dilakukan oleh Nursi. Antara yang dapat dikongsikan di sini ialah seperti penubuhan *Turkish schools* yang didirikan oleh gerakan Nursi di segenap pelusuk dunia dari Brazil hinggalah ke Mongolia telah membuktikan keberhasilan *tajdid* pendidikan yang dibawa beliau. Kesepaduan antara ilmu agama dan sains sebagai subjek utama pengajarannya telah mengangkat martabat institusi pendidikan Islam dimata masyarakat dunia. Hal ini mampu membangkitkan kembali zaman kegemilangan umat Islam, seterusnya seiring perubahan zaman serta disegani masyarakat dunia. Walaupun usaha dan tindakan Nursi adalah suatu yang sukar dan mencabar dalam sebuah negara yang berlatarbelakangkan fahaman sekular yang ekstrim, namun beliau tetap memberanikan diri serta beristiqmah dengan perjuangannya mengubah dasar pendidikan umat Islam kepada pendidikan yang bersepadu dan dinamik. Sifat 'melawan arus' yang ada padanya ketika itu membuatkan ramai rakyat Turki yang cintakan agama berasa kagum sekaligus mengiktiraf keupayaan dan kebijaksanaan Nursi, sehingga beliau diberi jolokan tokoh pembaharuan (*tajdid*) Turki abad ke-20.

Rujukan

Bediuzzaman Said Nursi (2003), *Risalah An-Nur: Said Nursi, Pemikir dan Sufi Besar Abad 20 (Menikmati Takdir Langit: Lama'at)*, Jakarta: Murai Kencana.

Bediuzzaman Said Nursi (2000), *The Letters 1928-1932*, terj. Sukran Vahide, Istanbul: Sozler Nesriyat AS.

Bediuzzaman Said Nursi (2003), *Risalah An-Nur: Said Nursi: Pemikir dan Sufi Besar Abad 20 (Menjawab yang Tak Terjawab, Menjelaskan yang Tak Terjelaskan)*, Jakarta: Murai Kencana.

Gozutok, Sakir (2002), *The Rasail an-Nur in The Context of Educational Principles and Methods (The Paper Presented In The Fifth International Symposium On Bediuzzaman Said Nursi)*, Istanbul: Sozler Publication.

Hj. Abdul Ghani Hj. Shamsuddin (1989), *Tajdid Dalam Pendidikan Dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Mohamad Zaidan Bin Mat (2003), *Bediuzzaman Said Nursi, Sejarah Perjuangan Dan Pemikiran*, Selangor: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.

Salih, Ihsan Qasim (2003), *Said Nursi pemikir dan Sufi Abad 20 (Membebaskan Agama dari Dogmatisme dan Sekularisme)*, Jakarta: Murai Kencana.

Tatli, Adem (1992). *Bediuzzaman Education Method (The Paper Present in The Second International Symposium on Bediuzzaman Said Nursi: The Reconstrution of Islamic Thought In The Twentieth Centry and Bediuzzaman Said Nursi, 27-29 September 2000)*, Istanbul: Sozler Publication.

Vahide Sukran (1992), *Bediuzzaman Said Nursi*, Istanbul: Sozler Publication.

Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987), *Mujaddid Islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi.